



MODUL *instruka*

PEMBELAJARAN BERASASKAN INKUIRI BERSTRUKTUR BAGI KARANGAN BAHASA MELAYU

Oleh:
CIKGU ABDUL GAFAR BIN MAHDI
Guru Bahasa Melayu, SMK Dalat



KOD PESERTA:
B03

e-Seminar Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan [e-SPeDIP2020]

ABSTRAK

Pembelajaran abad ke-21 menekankan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Kemahiran menulis karangan sangat menuntut murid memiliki KBAT bagi mengeluarkan isi-isi penting serta menghuraikannya. Modul INSTRUKA merupakan modul pembelajaran berasaskan inkuiri jenis berstruktur untuk penulisan karangan Bahasa Melayu. Modul ini dibina berdasarkan Model Pembelajaran 7E iaitu *Elicit* (mencungkil), *Engagement* (penglibatan), *Exploration* (penerokaan), *Explanation* (penerangan), *Elaboration* (pengembangan), *Evaluation* (penilaian) dan *Extend* (lanjutan). Pada peringkat permulaan, modul ini terdiri daripada tiga tema pembelajaran, iaitu (i) alam sekitar, (ii) kesihatan, dan (iii) keselamatan. Modul ini juga mengandungi daripada rancangan pengajaran, panduan guru dan lembaran aktiviti murid. Tujuan modul INSTRUKA diwujudkan adalah sebagai panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Selain itu, modul ini penting dalam meningkatkan pencapaian dan KBAT murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Modul ini juga dibina berdasarkan standard kandungan (SK) dan standard pembelajaran (SP) yang bersesuaian dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu. Empat kemahiran yang ditaksir dalam modul ini ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, di samping penerapan dua aspek iaitu seni bahasa dan tatabahasa. Modul INSTRUKA mempunyai peluang untuk dikomersialkan kepada guru-guru Bahasa Melayu dan murid-murid sekolah menengah.

Kata Kunci : Modul INSTRUKA, karangan, Bahasa Melayu, inkuiri berstruktur

PERNYATAAN MASALAH


Aktiviti penulisan dianggap satu kemahiran berbahasa yang paling sukar kerana ia akan melibatkan **kemahiran berfikir yang kompleks** bagi menzahirkan imaginasi perasaan, tahap minda, tahap kognitif dan cita rasa penulisnya (Shahlan, Shalinawati & Saemah 2013).

Kemahiran menulis karangan merupakan satu **kemahiran yang paling sukar dan kompleks** dalam kemahiran menulis berbanding kemahiran berbahasa yang lain kerana proses untuk menghasilkan sesebuah karangan adalah mencabar dan memerlukan kemahiran yang tinggi (Zamri Mahamod & Tengku Nor Adila 2019).


Dalam strategi pembelajaran aktif, guru perlu berperanan sebagai fasilitator yang bukan hanya tertumpu kepada pengajaran secara formal, namun membimbing murid-murid dengan memberi pendedahan tentang **teknik dan strategi menulis** seperti pembelajaran berasaskan projek, iaitu menghasilkan buku skrap (Monica Laina & Zamri Mahamod 2019)

Pencapaian murid dalam Bahasa Melayu banyak berpunca daripada kelemahan dalam penulisan karangan. Murid didapati **lemah dalam mengemukakan isi-isi** penting yang berkaitan dengan tajuk karangan, serta kurang mahir dalam menghuraikan isi-isi karangan dengan baik dan tepat (Farah Adlina 2019)

KANDUNGAN MODUL



Modul INSTRUKA (Panduan Guru & RPH)




Lembaran Kerja & Aktiviti Murid

OBJEKTIF MODUL

- Menyediakan **panduan kepada guru dan murid** untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri dalam penulisan karangan deskriptif Bahasa Melayu.
- Membantu murid menguasai **kemahiran menulis** karangan secara inkuiri berstruktur dengan model pembelajaran 7E.
- Meningkatkan **kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)** murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

PELAKSANAAN MODUL



IMPAK MODUL

Perbandingan Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Selepas Menjalani Pembelajaran Menggunakan Modul INSTRUKA

TAHAP PENCAPAIAN	SKOR KARANGAN	BILANGAN PELAJAR	
		UJIAN PRA (6 Ogos 2019)	UJIAN PASCA (16 Oktober 2019)
Cemerlang	25-30	0	1
Kepujian	20-24	3	6
Baik	15-19	15	17
Memuaskan	10-14	10	4
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1-9	1	1
Jumlah Bilangan Murid		29	29
Nilai Min		15.31	17.55

KESIMPULAN

Modul INSTRUKA dibina sebagai panduan dan alternatif kepada guru-guru untuk **mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc)** khususnya dalam penulisan karangan.

Modul ini juga mengintegrasikan kaedah **pembelajaran abad ke-21 (PAK21)**.

Memberi pendedahan kepada murid-murid **penggunaan ICT dalam pembelajaran** terutamanya untuk mendapatkan maklumat atau isi-isi yang tepat bagi tujuan penulisan karangan.

